

PENGHAYATAN AMALAN BERAGAMA DALAM KALANGAN MUALAF DI SEGAMAT, JOHOR

Wan Irfani Najwa Wan Ismail¹ & Norsaleha Mohd. Salleh²

¹Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Institut Kajian Hadis dan Akidah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Norsaleha binti Mohd. Salleh. Institut Kajian Hadis dan Akidah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Email:norsaleha@kuis.edu.my.

Abstrak

Amalan beragama adalah suatu tatacara membentuk asas agama melalui modul sebuah agama yang mementingkan aplikasi dalam diri dan penghayatan dalam sesebuah agama. Dalam konteks agama Islam, amalan beragama disamaertikan dengan menjadikan Islam sebagai agama (ad-din) ataupun suatu cara hidup yang tidak dipaksa untuk penganutnya sentiasa menghayati agama secara menyeluruh sebagai seorang Muslim. Amalan beragama adalah amalan yang penting dalam kehidupan manusia. Sebagai umat Islam yang perlu menganuti agama hendaklah melakukan penyerahan jiwa sepenuhnya kepada Allah SWT. Kajian ini menerangkan tentang amalan beragama yang dilakukan oleh golongan saudara baru yang memeluk agama Islam. Walaupun, muallaf akan menghadapi masalah dalam pengetahuan baru tentang akidah, penerapan akhlak Islam juga perlu diterapkan dalam jiwa. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman akidah golongan muallaf dan akhlak mereka yang baru memeluk agama Islam serta pengamalan beragama mereka berdasarkan kepada rukun Iman dan Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan edaran soal selidik yang mengandungi elemen akidah, akhlak dan amalan beragama. Dapatan kajian menunjukkan fokus utama yang harus ditekankan adalah hal-hal yang berkaitan dengan akidah muallaf adalah hati mereka. Golongan ini mempunyai hati yang lembut dan telah diberikan hidayah untuk kembali kepada agama fitrah. Mereka adalah penganut agama Islam baru yang memerlukan pemantapan diri dalam hal-hal yang berkaitan Islam. Dapatan kajian juga menunjukkan organisasi pengurusan muallaf perlu menambahbaik sistem dalam aspek pengurusan juga mengaplikasikan kehidupan beragama sebaiknya dalam diri para muallaf. Hasil keseluruhan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang terlibat secara tidak langsung melalui langkah dan pendekatan sewajarnya yang perlu diambil dalam usaha menarik minat dan perhatian para muallaf untuk terus mendampingi

agama Islam dengan sepenuh hati. Ini akan menjadikan mereka memahami konsep amalan beragama sekaligus menggunakan elemen Islam dalam kehidupan seharian mereka.

Kata kunci: Dakwah, Muallaf, Akhlak, Akidah, Tahap Kefahaman, Islam

(APPRECIATION OF RELIGIOUS PRACTICES AMONG CONVERTS IN SEGAMAT, JOHOR)

Abstract

Religious practice is a procedure of forming the basis of religion through the module of a religion that emphasizes the application in oneself and appreciation in a religion. In the context of Islam, the practice of religion is equated with making Islam a religion (ad-din) or a way of life that is not forced for its followers to always appreciate the religion as a whole as a Muslim. Religious practice is an important practice in human life. As Muslims who need to profess the religion must surrender their souls completely to Allah SWT. This study describes the religious practices performed by the new converts to Islam. Although, converts will face problems in new knowledge of the faith, the application of Islamic morality must also be inculcated in the soul. Therefore, this study aims to identify the level of understanding of the beliefs of converts and their morals who have just embraced Islam as well as their religious practices based on the pillars of Iman and Islam. This study uses a quantitative method with the distribution of questionnaires that contain elements of faith, morality and religious practices. The findings of the study show that the main focus that must be emphasized is that matters related to the faith of converts is their hearts. This group has a soft heart and has been given guidance to return to the religion of nature. They are newbie in Islam who need to strengthen themselves in matters related to Islam. The findings of the study also show that the management organization of converts needs to improve the system in terms of management as well as apply the best religious life. Overall result of this study are expected to help the parties involved indirectly through the appropriate steps and approaches that need to be taken in an effort to attract the interest and attention of converts to continue to approach Islam wholeheartedly. This will make them understand the concept of religious practice as well as use Islamic elements in their daily routine.

Keywords: Dakwah, Muallaf, Morals, Faith, Level of Understanding, Islam

Received: March 30, 2022

Accepted: June 28, 2022

Online Published: June 30, 2022

1. Pendahuluan

Seseorang yang baru mengenali juga memeluk agama Islam dipanggil sebagai muallaf atau lebih mesra dengan nama saudara baru. Nama panggilan ini adalah sapaan dari masyarakat Melayu Islam untuk saudara baru yang menganuti agama Islam dari bangsa lain. Antaranya

ialah bangsa India, Cina, Kadazan dan dari kelompok masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Mualaf adalah bermaksud seseorang yang dipujuk hati mereka untuk mendekati agama Islam yang syumul tanpa paksaan dan menerima Islam dengan hati yang terbuka. Mualaf yang juga disebut sebagai saudara baru hendaklah diberikan keutamaan dan perhatian yang sewajarnya dalam Islam. Saudara baru dengan erti kata lain adalah orang-orang yang dipujuk hati mereka dengan pengharapan dapat menguatkan kebergantungan mereka terhadap Islam. (Kamus Istilah Fiqh 1997 : 221)

Pendekatan yang boleh menyantuni mereka dengan Islam dengan kaedah dakwah. Dakwah merupakan ajakan untuk mendekati diri ke jalan Allah SWT. Tujuan dakwah dilakukan adalah untuk menyebarkan ajaran Islam di muka bumi ini. Abdul Karim Zaidan (2011) ada menyatakan bahawa dakwah mempunyai tarikan yang cukup besar merangkumi pendakwah (da'ie) isi dakwah (maudhu), metodologi dakwah (manhaj al-dakwah) dan penerima dakwah (mad'u). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 33. Maksudnya: "Allah SWT menyeru manusia ke syurga" Dakwah mempunyai pelbagai pendekatan yang boleh digunakan. Antara yang sering dibincangkan adalah pendekatan secara berhikmah dan bijaksana. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125. Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk". Melalui ayat ini membuktikan asas kepada pendekatan dakwah ialah dengan hikmah kebijaksanaan, nasihat yang lunak dan berdebat atau berbincang dengan yang terbaik (Ghafar Don: 2010).

2. Konsep Amalan Beragama

Beragama termasuk dalam konsep penghayatan beragama. Keagamaan membawa maksud keislaman yang sebenar. Secara umum Islam dimaksudkan sebagai mentauhidkan Allah SWT juga tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT juga larangannya tanpa bantahan melalui ajaran yang dibawa oleh Rasulullah saw. Menurut konteks muslim, al-Qadharawi telah memberikan bayangan konsep penghayatan beragama sebagai menghayati agama dalam setiap aspek kehidupan dengan menyeluruh berdasarkan kepada pengertian dalam menghayati konsep akidah sebagai panduan hidup, ibadah sebagai amalan dalam hidup, Syariah merupakan peraturan dan pertimbangan dalam kehidupan serta akhlak mulia yang menjadi etika dalam hidup termasuk menjauhi perkara yang membawa kepada syirik dan perbuatan yang ditegah oleh Allah (Mahmood Zuhdi, 2006)

Dalam hal ini, Sayyid Qutb yang lahir pada tahun 1906 dan telah kembali kerahmatullah pada tahun 1954 telah memberikan pandangan bahawa seluruh kehidupan manusia hendaklah bersumberkan kepada agama Islam yang mengandungi sistem hidup sesuai dengan sifat semulajadi manusia yang dapat direalisasikan dalam semua aspek kehidupan. Amalan penghayatan ini akan membawa juga memandu seseorang Muslim kepada halatuju yang benar dan tepat bagi mencapai matlamat yang benar kewujudan manusia di dunia dengan mengambilkira segala elemen dalam diri manusia melibatkan aspek jasmani, rohani, intelektual juga emosi (Safinah Ismail, Dr Syarul Azman Shahrudin, 2016).

Setiap hamba perlu mengabdikan diri mereka kepada Allah SWT juga kepada keperluan dalam beragama. Antaranya ialah dengan mengamalkan prinsip amar makruf nahi mungkar. Melakukan perkara yang baik dan mencegah daripada melakukan perkara yang bercanggah dengan Islam. Selain itu, sebagai umat Islam Allah tidak menetapkan suatu perkara yang berat dan sukar untuk diamalkan juga diadaptasikan oleh hambanya dalam kehidupan seharian. Oleh itu, seorang muslim semestinya menetapkan hati seterusnya memberikan kualiti yang terbaik dalam setiap perkara yang dilakukan tidak kira kepada diri sendiri juga buat sesama insan dalam melaksanakan penghayatan yang baik dalam amalan beragama.

3. Elemen Dalam Penghayatan Amalan Beragama

Penghayatan dalam amalan beragama adalah suatu bentuk bagi menerapkan asas dalam agama melalui modul agama Islam. Modul tersebut hendaklah lebih mengutamakan aplikasi dan penghayatan agama itu sendiri. Dalam konteks agama Islam itu sendiri, penghayatan amala beragama dalam kehidupan ini adalah sinonim dengan menjadikan Islam sebagai Ad-din atau lebih mudah difahami menjadi sebuah cara hidup automatic menuntut setiap makhluknya menghayati seterusnya mengamalkan secara menyeluruh sebagai seorang Muslim (Rafiza, 2015).

Amalan dalam beragama menjadi titik penting dalam kehidupan manusia kerana ia dapat memberikan pengaruh besar kepada personality seseorang, tingkah laku yang ditunjukkan, ketenangan emosi dalaman serta kebahagiaan hidup setelah mengamalkannya (Mustapha, 2017). Anuar Puteh (2005 dalam bukunya, 'Masa Depan Saudara Baru', perkataan 'Saudara Baru' merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan Anuar Puteh menulis dalam bukunya, 'Masa Depan Saudara Baru', perkataan 'Saudara Baru' merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberikan bimbingan dan perhatian oleh golongan yang berkelayakan diertikan juga sebagai segolongan manusia yang dijinakkan hati mereka dan memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat kepada asnaf mu'alaf adalah wajib bertujuan untuk memotivasikan serta menguatkan pegangan akidah mereka yang baru sahaja dipupuk (Nur A' thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao, 2009).

a. Akidah

Akidah berasal daripada kata dasar 'akada' yang bermaksud ikatan atau simpulan. Menurut istilah pula akidah membawa maksud keyakinan yang bersifat khusus terhadap Allah SWT para malaikat, kitab-kitabNya, para RasulNya, hari akhirat serta beriman dengan ketentuan makhluk samada takdir yang baik juga tidak baik (Syed Sabiq, 2011). Akidah juga bermaksud sebagai membenarkan sesuatu dan meyakini secara jazam (putus) tanpa syak atau ragu. Akidah menurut Syed Sabiq juga mempunyai pengertian seperti dengan Iman bermaksud membenarkan. Syed Sabiq turut berpandangan bahawa menanam akidah dalam jiwa merupakan pendekatan tarbiah yang paling unggul kerana ia menghasilkan kuasa yang kuat dalam hati dan jiwa manusia. Oleh itu, mu'alaf merupakan

golongan yang baru terdedah dengan konsep-konsep asas dalam akidah. Golongan ini juga perlu diberi pendedahan dan kefahaman yang jelas menerusi pengajaran akidah yang khusus (Ahmad Yunus Kasim et al., 2017).

Allah SWT berfirman dalam surah Al-Dharyat ayat ke 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.

Syeikh Muhammad Abduh (1849 – 1905) telah menghuraikan tentang ayat 56 Surah Al-Dharyat iaitu fungsi manusia itu diciptakan adalah untuk beribadah kepada Allah SWT. Segala perbuatan manusia bermula dari niat dan keazaman dalam melakukan sesuatu, pergerakan dan gerakan anggota badan semata-mata kerana Allah SWT. Oleh kerana itu, setiap orang Islam sewajarnya melakukan segala amalan yang telah diwajibkan oleh Allah SWT. Antaranya ialah bersuci bagi menjaga kebersihan dan kecerdasan, sembahyang untuk menjauhkan kemungkaran dan segala kejahatan, ibadah zakat yang akan menyucikan harta serta membantu golongan yang memerlukan.

b. Akhlak

Akhlak mempunyai pengaruh yang besar ke atas diri individu Muslim serta umatnya. Manusia membentuk dalam mengerakkan langkah berkait rapat dengan perbuatan juga amalannya mengikut kepada bentuk dan acuan sistem akhlak (Haron,1988). Istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan ‘khuluq’ yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian ini, akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah atau agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang (Asmawati Suhid, Abdul Rahman Md. Aroff, 2004). Menurut Imam al-Maududi (1903-1979) akhlak itu telah dimiliki oleh seseorang sejak dia dilahirkan. Akhlak itu terbahagi kepada dua iaitu akhlak yang mulia atau akhlak yang terpuji (mahmudah) dan akhlak yang buruk atau akhlak yang tercela (mazmumah). Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: “Yang paling aku kasihi daripada kalangan kamu dan yang paling dekat kedudukannya denganku pada hari kiamat ialah yang paling mulia akhlaknya” (HR al-Tirmizi).

Akhlak juga diberi erti sebagai tabiat kerana ia dimiliki oleh seseorang sejak dari mereka lahir. Al-Ghazali memberi maksud akhlak sebagai suatu gambaran daripada keadaan diri yang telah sebatu, yang daripadanya akan melahirkan tingkah laku yang mudah untuk dicernakan (Ghazali Darussalam, 1997). Menurut Imam Ghazali, akhlak bukanlah perbuatan yang ada dalam diri seseorang. Seorang yang bersikap pemurah mungkin juga seorang yang kedekut, di mana ia menderma untuk dipuji orang. Bagi Imam Al-Ghazali, akhlak bukanlah ilmu atau pengetahuan tentang kebaikan juga keburukan. Malah akhlak itu suatu tabiat peribadi bagi menentukan corak tindak tanduk seseorang dalam hidupnya (Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, 2011). Akhlak yang mulia iaitu akhlak yang diredhai oleh Allah, Akhlak yang baik itu dapat diwujudkan dengan cara mendekatkan diri kepada Allah SWT iaitu mematuhi segala perintahnya dan meninggalkan semua larangannya,

megikuti ajaran-ajaran dari sunnah Rasulullah. Firman Allah SWT dalam surah Al-Imran ayat 110 yang bermaksud : “Kamu adalah umat yang terbaik untuk manusia, menuju kepada makruf dan mencegah yang mungkar dan beriman kepada Allah” (Surah Al-Imran 3 : 110).

4. Dapatan dan perbincangan

Pengkaji telah menganalisis soal selidik sebelum mengedarkan kepada responden yang telah disasarkan. Terdapat 3 bahagian dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A tentang maklumat demografi responden, Bahagian B mengenai objektif kajian yang dijalankan iaitu Tahap Kefahaman Mualaf terhadap Aspek Akidah dalam Tuntutan Agama juga Akhlak Mualaf terhadap Kepentingan Beragama. Seterusnya pada Bahagian C pula mengenai Tahap Pengamalan Beragama berdasarkan kepada Rukun Iman dan Rukun Islam.

Jadual 1 Taburan Tahap kefahaman Mualaf terhadap aspek Akidah dan Akhlak

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	Tahap Min
		(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)		
		%	%	%	%	%		
B1	Pegangan agama yang kuat perlu ada dalam diri seorang Muslim.	2 (6.7%)	1 (3.3%)	2 (6.7%)	8 (26.7%)	17 (56.7%)	4.23	Sangat Tinggi
B2	Saya mengetahui tentang dosa dan pahala.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	10 (34.5%)	19 (65.5%)	4.5	Sangat Tinggi
B3	Saya mempercayai akan kewujudan Allah s.w.t.	1 (3.3%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (20%)	23 (76.7%)	4.7	Sangat Tinggi
B4	Allah mengetahui setiap yang manusia lakukan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (10%)	27 (90%)	4.9	Sangat Tinggi
B5	Saya percaya akan takdir Allah.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	7 (23.3%)	23 (76.7%)	4.75	Sangat Tinggi
B6	Sangka baik kepada Allah dan manusia adalah akhlak yang baik.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	9 (30%)	21 (70%)	4.7	Sangat Tinggi
B7	Saya menerima untuk mendengar pendapat	0	0	2	10	18	4.53	Sangat Tinggi

	orang lain tanpa menghukum.	(0%)	(0%)	(6.7%)	33.3%)	(60%)		
B8	Saya sentiasa melakukan kearah kebaikan.	0 (0%)	0 (0%)	1 (3.3%)	10 (33.3%)	19 (63.3%)	4.6	Sangat Tinggi
B9	Saya mengamalkan amalan berlapang dada dalam memberi nasihat.	0 (0%)	0 (0%)	2 (6.9%)	8 (27.6%)	19 (65.6%)	4.43	Sangat Tinggi
Jumlah min keseluruhan							4.59	Sangat Tinggi

Jadual 1 menunjukkan bahawa setiap nilai min tahap kefahamanakidah dan akhlak dalam golongan muafiq di Segamat bagi setiap item berada pada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Data menunjukkan nilai min yang paling tinggi adalah B4 (Allah mengetahui setiap yang manusia lakukan) iaitu min 4.9. Manakala nilai min yang paling rendah adalah pada soalan B1 (Pegangan agama yang kuat perlu ada dalam diri seorang Muslim) iaitu min 4.23. Namun begitu, soalan B1 ini masih dalam kategori sangat tinggi mengikut kepada capaian min. Hal ini mungkin kerana pelbagai tahap kefahaman dan penerimaan dalam pembelajaran ilmu Islam terhadap golongan muafiq ini masih baru yang sebelum ini asing bagi mereka. Oleh kerana itu pegangan mereka terhadap agama baru yang dianuti ini masih dalam tahap pemulihan dan perlu dibimbing oleh pihak berwajib. Ini bagi pemantapan akidah dan akhlak mereka seiring dengan masa yang diperuntukkan.

Jadual 2 Taburan Tahap Amalan Beragama

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	Tahap Min	
		(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)			
		%	%	%	%	%			
B10	Saya mempercayai bahawa tiada Tuhan selain Allah.	0 (0%)	0 (0%)	1 (3.4%)	4 (13.8%)	24 (82.8%)	4.63	Sangat Tinggi	
B11	Beriman kepada Allah adalah Rukun Iman yang pertama.	0 (0%)	0 (0%)	2 (6.6%)	3 (10%)	25 (83.4%)	4.76	Sangat Tinggi	
B12	Malaikat Jibril yang menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (16.6%)	25 (83.4%)	4.83	Sangat Tinggi	
B13	Saya mengamalkan rukun Iman dalam kehidupan	0	0	5	7	18	4.43	Sangat Tinggi	
		(16.6)							

	seharian.	(0%)	(0%)	(0%)	(23.4)	(60%)		
B14	Saya percaya akan tiba waktu hari Kiamat berlaku.	0	0	0	4	26	4.86	Sangat Tinggi
		(0%)	(0%)	(0%)	(13.3%)	(89.7%)		
B15	Qada' adalah suatu perkara yang telah ditentukan kepada seseorang.	2	0	0	3	25	4.63	Sangat Tinggi
		(6.7%)	(0%)	(0%)	(10%)	(83.3%)		
B16	Mengucap dua kalimah syahadah adalah pengakuan sebagai seorang Muslim.	0	0	0	6	24	4.8	Sangat Tinggi
		(0%)	(0%)	(0%)	(20%)	(80%)		
B17	Solat lima waktu adalah salah satu Rukun Islam.	0	0	0	2	28	4.93	Sangat Tinggi
		(0%)	(0%)	(0%)	(6.7%)	(93.3%)		
B18	Zakat merupakan Rukun Islam ketiga.	3	2	1	5	19	4.16	Sangat Tinggi
		(10%)	(6.7%)	(3.3%)	(16.7%)	(63.3%)		
B19	Ibadah haji boleh dilakukan bagi yang mampu.	0	2	0	2	26	4.73	Sangat Tinggi
		(0%)	(6.7%)	(0%)	(6.7%)	(86.7%)		
B20	Saya berpuasa di bulan Ramadhan.	0	0	0	2	28	4.93	Sangat Tinggi
		(0%)	(0%)	(0%)	(6.7%)	(93.3%)		
Jumlah min keseluruhan							4.69	Sangat Tinggi

Dapatan kajian di jadual 2 menunjukkan amalan beragama mualaf di Segamat, Johor. Berdasarkan kepada data dapatan kajian yang diperolehi, nilai min yang paling tinggi ialah pada soalan B17 (solat lima waktu adalah salah satu Rukun Islam) dan juga soalan B20 (saya berpuasa di bulan Ramadhan) dengan nilai min 4.93. Manakala, nilai min yang paling rendah pada soalan B18 iaitu (zakat merupakan Rukun Islam ketiga) dengan nilai min 4.16. Menurut pengurusan mualaf Segamat, terdapat jurang tahap kefahaman bagi setiap responden. Oleh kerana itu soal selidik yang diedarkan telah disemak agar mudah dan ringkas. Namun begitu, masih ada juga sebahagian daripada responden yang tidak memberikan jawapan yang tepat mungkin kerana mereka keliru dan tidak begitu fokus dengan turutan Rukun Islam selain hanya menghayati pengamalannya sahaja.

5. Kesimpulan

Amalan agama terdiri daripada aspek rohani yang tertentu yang dilaksanakan oleh umat Muslim. Merujuk kepada al-Quran, ibadat yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam adalah melafazkan kalimah syahadah, sembahyang (solat), ibadah berpuasa, zakat dan menunaikan haji ke Mekah. Sementara itu, amalan agama yang digalakkan dalam Islam adalah dengan memohon keampunan, dan bersikap pemaaf juga menunjukkan perbuatan yang menunjukkan kepada kepercayaan dan sentiasa beriman kepada Allah seterusnya sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan yang berlaku.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abd al-Karim Zaydan. (1976). Usul al-Da'wah. Baghdad: Matba'ah al-Azim

Abdul Ghafar Don, Hailan Hj. Salamon. (2010). Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran. *Jurnal al-Hikmah* (vol.1, jil.1).

Anuar Puteh. (1999). Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Anuar Puteh. (1999). Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asmawati Suhid. (2009). Pendidikan Akhlak dan Adab Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kasim, A. Y., Hamid, S. A., & Jemali, M. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif : Special Issue 1*, 1(1), 89–100.

Mahmood, A. (2005). Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid. (2011). Peribadi Muslim. Selangor : Pwer Press & Design Sdn Bhd.

Mustapha, R. (2017) Reka bentuk model integriti akademik beraskan penghayatan rohani. Tesis Phd. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari Bil.2*. 83-97.

Sayed Sabiq. (2011). Al-aqa'id al-Islamiyyah. Terj. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn Bhd & Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.

Sayyid Qutb. (1996). Fi Zilalil Quran. Beirut: Dar al-Syuruq

Safinah Ismail, dan Syarul Azman Shahrudin (2016). Bintang-bintang Dakwah : Ibooks Centre.

<https://tafsirweb.com/>